

21/08/2000

Bangunan SK Bukit Tinggi siap tujuh bulan awal

JITRA, Ahad - Pembinaan Sekolah Kebangsaan Bukit Tinggi, Kepala Batas, di sini mencatatkan rekod baru di Kedah apabila berjaya disiapkan tujuh bulan lebih awal berbanding tarikh sebenar.

Sekolah berkenaan bernilai RM3.4 juta itu sepatutnya disiapkan pada 12 Februari tahun depan. Bagaimanapun, kontraktornya, Syarikat Pembinaan Nidzaham Sdn Bhd (Pembinaan Nidzaham) berjaya menyiapkan bangunan sekolah itu pada 30 Jun lalu.

Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kubang Pasu, Ir Hisam Ismail, berkata pembinaan sekolah itu adalah paling awal disiapkan kerana sebelum ini, sekolah paling awal disiapkan ialah Sekolah Kebangsaan Bandar Darulaman, juga di Jitra yang siap lima bulan lebih awal.

"Kontraktor lain perlu mencontohi Pembinaan Nidzaham yang mengendalikan projek pembinaan sekolah atau bangunan lain," katanya kepada Berita Harian selepas majlis penyerahan dokumen projek kepada Jabatan Pendidikan Kedah, di sekolah itu hari ini.

Pegawai Khas Pembangunan Jabatan Pendidikan Negeri, Abdullah Yunus menerima dokumen itu bagi pihak jabatan. Turut hadir, pengerusi syarikat pembinaan itu, Ibrahim Saidin, dan Jurutera JKR Daerah (Bangunan), Adillah Ismail.

Februari lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat projek itu ketika pulang ke daerah Kubang Pasu.

Hisam juga berkata, sekolah itu juga muncul sekolah pertama di Kedah yang dibina lengkap pelbagai kemudahan pembelajaran.

Antaranya termasuk bilik mandi, bilik persalinan, dewan muzik, surau dan dewan. Bilik pengetua dan bilik guru, pusat sumber serta perpustakaan dilengkapi pendingin hawa.

Seramai 400 pelajar akan memulakan pembelajaran di sekolah baru berkenaan akhir September ini.

(END)